

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 29 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah keputusan Kementerian berkaitan isu umur wajib bersara bagi penjawat awam dan sektor swasta. Adakah ia akan ditetapkan umur wajib bersara pada umur 65 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 (Akta 753) yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2013 ke atas semua majikan di seluruh Malaysia, menyatakan bahawa umur persaraan minimum seseorang pekerja adalah apabila seseorang pekerja itu mencapai umur 60 tahun. Ini bermakna seseorang pekerja itu masih boleh terus bekerja walaupun telah melebihi 60 tahun dan juga bergantung kepada tawaran pekerjaan oleh majikan. Tiada keperluan pada masa ini untuk meningkatkan umur persaraan kepada 65 tahun.
2. Cadangan peningkatan had umur persaraan merupakan cadangan daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Kerajaan telah pun membuat keputusan bahawa had umur persaraan tidak akan diubah pada masa ini dan kekal pada umur 60 tahun kepada sektor awam dan umur persaraan minimum bagi sektor swasta juga kekal pada 60 tahun.